

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
SERI PERDANA, PUTRAJAYA
MAJLIS SEMBAHKENAL KEPADA SERI PADUKA BAGINDA RAJA
PERMAISURI AGONG YANG KE-12 TUANKU FAUZIAH IBNI ALMARHUM
TENGKU ABD. RASHID
18 JUN 2002**

Dengan penuh hormat dan takzim, patik mohon terlebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah kurniaNya sahaja, dapat kita berkumpul di sini dalam Majlis Sembahkenal ahli-ahli BAKTI kepada Seri Paduka Baginda Tuanku. Semoga Allah S.W.T. merestui dan memberkati hajat BAKTI pada hari yang bersejarah ini, Insya-Allah.

2. Bagi pihak ahli-ahli BAKTI dan patik sendiri, patik mengalu-alukan keberangkatan Tuanku serta menjunjung kasih kerana berkenannya Tuanku berangkat ke Majlis ini untuk bermesra dengan ahli-ahli BAKTI. Keberangkatan Tuanku adalah suatu kehormatan dan peluang bagi ahli-ahli BAKTI berkenalan dengan Tuanku dengan lebih dekat lagi dan untuk Tuanku mengetahui aktiviti-aktiviti BAKTI juga.

3. Patik dan ahli-ahli BAKTI merafakkan sembah tahniah ke bawah Baginda Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail atas perlantikan Baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang Di- Pertuan Agong yang ke-12 dan Tuanku sendiri sebagai Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, pada 25 April 2002. Mudah-mudahan Allah S.W.T. mencurahkan kebahagiaan dan kesejahteraan sepanjang masa Baginda Tuanku berdua bersemayam di atas singgahsana dan negara ini akan sentiasa aman sentosa, bersatu padu dan makmur di bawah naungan Tuanku berdua.

4. Patik sekalian juga merafakkan ucapan tahniah ke bawah Tuanku di atas perlantikan Tuanku sebagai Canselor Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang baru-baru ini. Semoga dengan perlantikan Tuanku itu, USM akan bertambah maju dan berjaya.

5. Dua puluh lima (25) tahun dahulu, Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI), telah wujud oleh Y.A.Bhg. Tun Suhaila, isteri kepada Allahyarham Tun Hussein Onn, dengan tujuan mengumpulkan isteri kepada Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri untuk membuat amal kebajikan kepada masyarakat.

6. Pada 1981, keahlian BAKTI diperluaskan kepada isteri Setiausaha-Setiausaha Parlimen, dan sebagai Ahli Bersekutu kepada isteri-isteri pemimpin Kerajaan yang sudah bersara. Sekarang BAKTI mempunyai 65 ahli Biasa BAKTI dan 60 ahli Bersekutu.

7. BAKTI meraikan Jubli Peraknya tahun ini. Syukur Alhamdulillah, matlamat asas BAKTI untuk membuat kebajikan kepada masyarakat yang memerlukan bantuan masih di teruskan. Malahan dalam 25 tahun ini aktiviti kebajikan BAKTI diperluaskan dengan memberi dermasiswa kepada pelajar miskin dari sekolah rendah, menengah dan

kaum asli. Dari 1 Mei 2001 sehingga 30 April 2002, BAKTI telah menderma:

a) Kebajikan	=	RM885,000.00
b) Dermasiswa	=	RM987,000.00
c) Mangsa-mangsa Bencana Alam	=	RM62,000.00

8. Selain daripada aktiviti kebajikan, BAKTI mengaturkan juga aktiviti-aktiviti untuk ahli-ahli sendiri melalui Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil dengan tujuan menambahkan pengetahuan ahli-ahli dan melatih ahli dalam bidang tertentu.

9. Jawatankuasa Kebajikan Pendidikan mengaturkan Kelas Agama bagi ahli-ahli beragama Islam, ceramah-ceramah dan lawatan-lawatan ke tempat-tempat di dalam dan luar negara; Jawatankuasa Sukan melatih ahli-ahli bermain badminton dan senaman taichi, Jawatankuasa Penerangan dan Seranta menggalakkan ahli-ahli berkongsi pengalaman dan pemikiran secara penulisan di dalam majalah Pelita BAKTI atau Gema BAKTI; dan Jawatankuasa Kebudayaan melatih ahli-ahli dalam seni gamelan, tarian dan nyanyian dan mencungkil bakat ahli-ahli untuk persembahan. Hasil Jawatankuasa Kebajikan Kebudayaan ini akan dipersembahkan kepada Tuanku sebentar lagi.

10. BAKTI berasa bangga pada abad 21 alaf ke 3 ini, kerana terdapat beberapa peristiwa yang bersejarah:

- i. Membina Kompleks Penyayang BAKTI di Sungai Buluh untuk kanak-kanak, ibu-ibu tunggal dan orang-orang tua, dan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Selangor pada 2001.
- ii. Pada Februari 2002, 5 ahli BAKTI telah menyertai rombongan Perdana Menteri dalam ekspedisi ke Antartika selama 8 hari. Pengalaman lautan bergelora dengan ribut kencang, cuaca merudum jatuh ke suhu 40 darjah bawah paras 0 darjah Celsius dan melihat ciptaan Allah S.W.T. di hujung dunia itu menjadi kenangan yang tidak ternilai sepanjang hayat kami.
- iii. Pada 30 Mei 2002, satu lagi sejarah berlaku dengan pecah tanah bagi Pusat Komuniti BAKTI di Bukit Kiara yang akan siap di bina pada bulan Jun 2003, Insya-Allah. Bangunan baru ini akan menempatkan Pejabat BAKTI dan pelbagai perkhidmatan bagi masyarakat.

11. Harapan BAKTI untuk masa hadapan ialah BAKTI akan terus bantu golongan-golongan yang memerlukan bantuan supaya meringankan beban Kerajaan. Secara inilah sahaja isteri Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen boleh membalas jasa baik pengundi-pengundi yang memilih suami patik sekalian dalam setiap pilihanraya umum. Insya-Allah pilihan ini akan berjaya berterusan.

12. Sekian sahaja ucapan ringkas mengenai aktiviti-aktiviti BAKTI. Patik berharap

Tuanku akan berasa selesa dan akan terhibur dengan persembahan yang ahli-ahli ingin persembahkan sebentar lagi. Atas apa jua kesilapan dan tidak keselesaan dalam majlis ini, patik bagi pihak BAKTI menyusun 10 jari memohon maaf terlebih dahulu. Namun, patik berharap Tuanku akan relax dan enjoy sepertimana ahli-ahliBAKTI telah dengan sukacitanya berusaha menyediakan acara-acara pada hari ini khas untuk Tuanku. Sekali lagi patik-patik semua menjunjung kasih atas kesudian Tuanku berangkat ke majlis ini.

13. Sekian sahaja. Ampun Tuanku. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh